

1001

PERANAN BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO) ISLAM DALAM PERLINDUNGAN MUALAF DI MALAYSIA

MUHAMMAD ADNAN ABDULLAH & NOOR AZIAH MOHD AWAL
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRACT

This research was conducted to identify the role of non-governmental organization specifically Yayasan Kasih Sayang Negeri Sembilan (YKSNS) in providing protections for mualaf in Malaysia. The objective of this study is to identify the functions, roles and activities of YKSNS in an effort to assist and build courteous personality among mualaf. In addition, this study also focus on the legal challenges faced by YKSNS in the process of providing protection and welfare to mualaf. In addition, this study also examines the provision of the law that protects YKSNS while preserving the well-being of mualaf. Methodology used to collect data includes document analysis and interviews. The findings show that, YKSNS plays an important role in protecting the interests of mualaf in terms of legislation, welfare and education. YKSNS is entrusted by Majlis Agama Islam Negeri Sembilan to strive in order to protect and assist mualaf in Negeri Sembilan by conducting classes of basic Islamic understanding, change of name process, marital affairs, provide shelters and help them to get a job. However, YKSNS and volunteers involved are seems to face legal challenges which are seen to be less protective against them. These legislative barriers cause YKSNS's activities to be exposed to risks and potentially subject to legal actions. Although YKSNS tried to care and defend unprotected mualaf, the efforts were found to have no locus standi, carried out solely on social responsibility.

Keywords : *Islam, Law, Mualaf, Yayasan Kasih Sayang Negeri Sembilan.*

1. Pengenalan

Malaysia merupakan sebuah negara yang terkenal dengan keunikannya yang tersendiri yang kaya dengan kepelbagaian etnik, budaya, adat resam dan agama. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan demokrasi berparlimen, ia memberikan kebebasan kepada rakyatnya untuk mengamalkan ajaran agama masing-masing.

Perlembagaan Persekutuan sebagai undang-undang tertinggi negara telah mengiktiraf sebagai agama Persekutuan melalui Perkara 3(1) Perlembagaan:1 (1) Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana Bahagian Persekutuan. Manakala penganut agama selain Islam di Malaysia diberi kebebasan untuk mengamalkan anutan agama masing-masing sejajar dengan Perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan iaitu:

“ 2 (1) Tiap-tiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agamanya dan, tertakluk kepada Fasal (4), mengembangkannya. Namun, kebebasan agama selain Islam di Malaysia adalah bersifat tidak mutlak iaitu tertakluk kepada penyebaran agama tersebut berdasarkan Perkara 11(4) Perlembagaan Persekutuan: 3 (4) Undang-undang Negeri dan berkenaan dengan Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, Undang-undang Persekutuan boleh mengawal serta menyekat penyebaran sebarang doktrin atau kepercayaan agama lain di kalangan individu yang menganuti agama Islam.”

Hal ini membuktikan status istimewa agama Islam sebagai agama Persekutuan di Malaysia berbanding agama lain. Helwa dan Jasri (2013) berpendapat bahawa status keutamaan agama Islam tersebut sewajarnya tidak perlu dipertikaikan lagi. Namun, terdapat pentafsiran yang kurang tepat dikemukakan mengenai Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan oleh Tun Salleh Abbas melalui kes *Che Omar Bin Che Soh v Pendakwa Raya* yang menafsirkan agama Islam sebagai suatu agama yang hanya diamalkan dalam acara atau majlis rasmi sahaja. Ternyata ini merupakan satu tafsiran yang amat sempit. Pentafsiran Tun Salleh Abbas tersebut kemudiannya sering dijadikan sebagai bahan hujah oleh para peguam untuk menolak keutamaan agama Islam sebagai agama Persekutuan seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Malaysia.

Perkara 3 bahawa ‘Islam ialah agama bagi Persekutuan’ jelas membuktikan prinsip atau pegangan orang Melayu Muslim iaitu agama Islam adalah agama rasmi negara. Menurut Ismail (1966), Islam menjadi agama yang dominan di Semenanjung Tanah Melayu sejak kurun ke-12 lagi, bukan seperti huraian dalam buku-buku teks sekolah di negara kita yang menyatakan bahawa Islam menjadi agama dominan di Tanah Melayu pada kurun ke-15. Oleh yang demikian, jelas bahawa Islam telah bertapak di Semenanjung Tanah Melayu berabad-abad lamanya sebelum kedatangan Portugis pada tahun 1511 dan kedatangan penjajah Belanda pada tahun 1641. Di samping itu, Islam juga sudah lama berkembang pesat di Tanah Melayu melalui kegiatan dakwah Islamiah sebelum bertapaknya kuasa British di Pulau Pinang pada tahun 1786. Pada kurun ke-19, penjajah British mengambil alih Tanah Melayu daripada Belanda. Pada ketika itu, pihak penjajah tidak mencampuri sebarang perkara yang berkaitan dengan agama Islam.

Tun Salleh Abbas berpendapat bahawa walaupun British mendapat hak untuk memberi ‘nasihat’ kepada Raja-Raja Melayu mengenai segala urusan pentadbiran negeri melalui beberapa perjanjian dengan Raja-raja, namun mereka tidak campur tangan dalam memberi nasihat mengenai urusan berkaitan agama Islam. Namun, sejarah membuktikan bahawa JWW Birch dibunuh di Pasir Salak kerana cuba campur tangan hal ehwal agama Islam.

Kebebasan beragama merupakan salah satu elemen dalam hak kebebasan asasi yang diiktiraf oleh Malaysia kepada setiap warganegara di bawah Perlembagaan Persekutuan. Perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan “Tiap-tiap orang adalah berhak menganuti dan mengamalkan agamanya dan, tertakluk kepada Fasal (4), menyebarkan agamanya”. Hak kebebasan asasi lain terkandung dalam Bahagian II Perlembagaan Persekutuan Perkara 5-13. Dengan peruntukan Perlembagaan yang jelas, rakyat Malaysia bebas menganut dan mengamalkan agama masing-masing. Pertukaran agama dari agama Islam ke agama lain adalah isu yang sensitive kerana seorang Muslim dilarang dari murtad. Firman Allah swt yang bermaksud , “Barang siapa yang murtad antara kamu daripada agamanya, lalu dia mati dalam kekafiran, maka mereka itulah yang sia-sia amalannya di dunia dan di akhirat dan mereka itulah penghuni neraka mereka kekal di dalamnya.” (surah al-Baqarah 2:217) .

Pertukaran agama lain kepada Islam bukan perkara baru di Malaysia. Ada yang berjalan dengan baik dan tidak kurang pula yang mendapat tentangan keluarga dan ini menyebabkan kewujudan badan bukan kerajaan seperti YKSNS untuk membantu mualaf. Ada juga kes di mana orang yang memeluk Islam itu telah berkahwin dan berkeluarga dalam agama lamanya dan apabila dia memeluk Islam, pasangan bukan Islamnya enggan mengikutnya memeluk Islam. Dalam kebanyakan masa berlaku kes rebutan anak atau anak-anak dari perkahwinan bukan Islam itu di antara pasangan yang telah memeluk Islam dengan yang

enggan memeluk Islam. Ada juga kes di mana yang memeluk Islam itu kanak-kanak, iaitu seorang yang di bawah 18 tahun, dan ini boleh menyebabkan pihak yang memberi perlindungan kepada kanak-kanak tersebut diheret ke mahkamah oleh ibu bapa apa yang bukan Islam. Ini berlaku dalam kes Re Suzie Teoh Eng Huat.

Bagi kedua-dua kes pertukaran agama, pihak yang bertanggungjawab untuk menangani isu ini adalah pihak berkuasa kerajaan seperti Majlis Agama Islam Negeri-Negeri, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri-Negeri dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) di peringkat Kerajaan Pusat manakala badan-badan bukan kerajaan (NGO) seperti Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia, Angkatan Belia Islam Malaysia, Persatuan Cina Muslim Malaysia yang bergerak di peringkat nasional manakala di peringkat negeri terutamanya di Negeri Sembilan Badan Bukan Kerajaan seperti Yayasan Kasih Sayang Negeri Sembilan, Persatuan Darussa'adah Negeri Sembilan, Persatuan Mubaligh Islam Negeri Sembilan perlu berganding bahu secara aktif dengan pihak agensi agama untuk memastikan agama Islam dan pengikut ajaran Islam terpelihara.

2. Yayasan Kasih Sayang Negeri Sembilan

Kewujudan Badan Bukan Kerajaan dikenal pasti memainkan peranan penting dalam mewujudkan ruang serta peluang komunikasi yang luas dan berkesan antara golongan awam dan pihak kerajaan. Komunikasi yang efektif ini dapat memberi peluang kepada kerajaan untuk mendapatkan input serta maklumat daripada rakyat berkenaan punca sesuatu perkara dalam mengenal pasti dan menelusuri permasalahan dan cabaran yang dihadapi rakyat.

Kajian ini memfokuskan kepada penglibatan Yayasan Kasih Sayang Negeri Sembilan (YKSNS) sebagai sebuah Badan Bukan Kerajaan yang didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966. YKSNS adalah sebuah badan dakwah yang berfungsi secara sukarela dalam menjana idea, memberi komitmen serta keprihatinan sukarelawan untuk berkhidmat serta mempertahankan agama Islam. Penglibatan dan komitmen yang ditunjukkan YKSNS adalah signifikan dalam pelbagai usaha yang dijalankan oleh Majlis Agama Islam Negeri Sembilan dan Jabatan Mufti Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan untuk membela kebajikan golongan mualaf di Negeri Sembilan.

YKSNS telah didaftarkan pada 5 Februari 2003 di Pejabat Pendaftar Seremban dan beroperasi di No. 3 Taman Cemerlang, 72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Penubuhannya diterajui oleh Muhammad Adnan bin Abdullah. Pengasas dan Presiden merupakan seorang yang telah memeluk agama Islam di Negeri Sembilan pada tahun 1989. Beliau dibantu oleh barisan ahli jawatankuasa yang kebanyakannya terdiri daripada mualaf.

Peranan Badan Bukan Kerajaan dapat dilihat dengan memahami kandungan Akta Pertubuhan 1966, Seksyen 2, yang menyatakan bahawa sesebuah pertubuhan ditakrifkan sebagai mana-mana kelab, perkongsian, persatuan yang mengandungi tujuh atau lebih, tidak kira apa jua jenis atau tujuannya sama ada bersifat sementara atau kekal tetapi tidak termasuk badan-badan yang perlu didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis seperti syarikat, koperasi, kesatuan sekerja, Persatuan Ibu Bapa dan Guru, badan-badan sukan dan lain-lain.

Akta ini menggariskan beberapa peruntukan dan panduan berkaitan pendaftaran Badan Bukan Kerajaan. Di antaranya ialah seperti prosedur pendaftaran pertubuhan, matlamat dan objektif pertubuhan, yuran dan keahlian serta perkara-perkara yang boleh menjadikan sesebuah pertubuhan terbatal dan tidak sah, liabiliti dan sebagainya. Perkara 2 dalam akta tersebut turut menegaskan bahawa walaupun pertubuhan ini adalah pertubuhan bukan kerajaan, namun segala aktiviti dan program yang dianjurkan dan dijalankan mestilah tidak bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan dan Undang-undang Negeri serta tidak bercanggah dengan ajaran agama Islam, hak istimewa orang Melayu dan Bahasa Melayu.

Jabatan Mufti Kerajaan Negeri dan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan telah memberikan kepercayaan kepada YKSNS untuk melibatkan diri secara langsung dalam pelbagai urusan pengurusan dan pencegahan murtad di Negeri Sembilan.

Di antara penglibatan YKSNS bersama-sama agensi kerajaan merupakan antara usaha terancang penubuhan Rumah Perlindungan Berkediaman. Rumah Perlindungan Berkediaman ini beroperasi di No. 1, 2 dan 3 Taman Cemerlang, 72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Rumah Perlindungan Berkediaman ini berdaftar di bawah Akta Pusat Jagaan Harian 1994 dan di bawah kawal selia Jabatan Kebajikan Masyarakat. Tujuan utama penubuhan rumah ini adalah untuk menempatkan golongan mualaf yang terdiri daripada pelbagai peringkat usia yang memerlukan perlindungan dan pendidikan asas dalam memahami ajaran Islam. Selain mualaf, kanak-kanak mualaf dan kanak-kanak daripada golongan asnaf juga diberikan penempatan percuma dengan pembiayaan penuh daripada Majlis Agama Islam Negeri Sembilan. Lebih signifikan lagi, apabila pengasas YKSNS turut dilantik sebagai Perunding Cara Akidah dalam sesi kaunseling pemulihan akidah yang dijalankan oleh Bahagian Runding Cara Aqidah, Jabatan Mufti Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan. Perlantikan sebagai Perunding Cara tersebut berkuat kuasa bermula tahun 2004 sehingga kajian ini ditulis. Kesimpulannya, Yayasan Kasih Sayang Negeri Sembilan (YKSNS) adalah sebuah Badan Bukan Kerajaan yang ditubuhkan dengan objektif utamanya untuk menjaga dan membela kebajikan golongan mualaf melalui dakwah Islamiah. Penubuhannya bertujuan untuk membentuk serta mentarbiahkan masyarakat Islam terutamanya mualaf atau yang ingin murtad supaya kembali patuh dan taat kepada perintah Allah SWT dengan mempertahankan syahadah yang dilafazkan sebagai persaksian keislamannya.

YKSNS yang didaftarkan bagi menjalankan aktiviti penyebaran dakwah Islamiah adalah selari dengan peruntukan Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan bahawa setiap individu berhak mengamalkan ajaran agama masing-masing.

Walau bagaimanapun, peruntukan ini terikat dengan Perkara 11 (5) yang menyatakan sekiranya sepanjang mengamalkan ajaran agama masing-masing dan jika didapati wujudnya amalan yang mengancam keselamatan, kesihatan, moral dan keamanan umum, maka amalan tersebut dianggap bertentangan dengan perlembagaan dan jika didapati bersalah tindakan yang sewajarnya akan dikenakan.

Tambahan pula, Fasal 11 (3) Perlembagaan Persekutuan juga memberi pengiktirafan ke atas Badan Bukan Kerajaan Islam untuk menguruskan hal ehwal pentadbiran agama. Melalui peruntukan perundangan tersebut, jelas bahawa pertubuhan Bukan Kerajaan dan kegiatan dakwahnya dilindungi oleh undang-undang selagi tidak bercanggah dengan mana-mana peruntukan yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Pelan Strategik Jabatan Mufti Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan 2011-2015 telah menggariskan kerjasama strategik serta sokongan kepada pertubuhan dan badan-badan bukan kerajaan sebagai salah satu daripada 11 elemen yang sinonim dengan visi dan misi jabatan mufti. Kerjasama strategik membuka ruang serta peluang yang cukup luas kepada organisasi bukan kerajaan untuk berganding bahu memikul tanggungjawab bersama Jabatan Mufti Negeri Sembilan bagi mengatasi isu berkaitan hal ehwal agama Islam dalam masyarakat terutamanya dalam menghadapi cabaran pertukaran agama.

2.1 Pertukaran Agama dari bukan Islam kepada Islam

Hal ehwal berkaitan pertukaran agama bukan Islam kepada agama Islam telah diperuntukkan sebagai sebahagian daripada hukum syarak di Malaysia. Enakmen Pentadbiran Agama Islam bagi semua negeri pula telah membuat peruntukan berkenaan kemasukan seseorang ke agama Islam dalam peruntukan "Pemeluk Agama Islam". Seseorang individu bukan Islam yang ingin menukar agama kepada agama Islam perlu melalui beberapa proses yang telah ditetapkan mengikut negeri-negeri di Malaysia. Ini kerana Malaysia telah pun menggariskan tentang hak kebebasan beragama dalam Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan.

Kebebasan beragama ini sering juga menimbulkan kontroversi apabila ada orang Islam ingin memeluk agama lain. Fenomena keluar Islam atau murtad telah mula menular di Malaysia dan sejak akhir-akhir ini mencetuskan kebimbangan. Negeri Sembilan tidak terkecuali di mana terdapat permohonan untuk keluar dari Islam dalam kalangan orang Islam di Negeri Sembilan.

Kes murtad bukan sahaja berlaku dalam kalangan orang Islam tetapi juga berlaku dalam kalangan anak-anak mualaf di mana ibu atau bapa mereka memeluk Islam sedangkan pasangannya tidak ikut sama memeluk Islam. Dalam kes seperti ini berlaku perebutan hak penjagaan anak-anak hasil dari perkahwinan antara ibu atau bapa yang telah memeluk Islam itu dan anak-anak menjadi mangsa keadaan. Lee Min Choo (1995) menjelaskan terdapat lima kaedah yang sering digunakan untuk keluar daripada agama Islam iaitu :

- a) Melalui ikrar pemohon dalam Akaun Sumpah (Statutory Declaration).
- b) Membuat permohonan untuk menukar nama di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).
- c) Mempraktikkan agama baru mereka.
- d) Membuat laporan kepada Jabatan Agama Negeri.
- e) Mendapatkan deklarasi atau pengesahan bahawa pemohon bukan seorang Islam atau telah keluar Islam.

Antara gerak kerja sokongan YKSNS adalah dengan memberi perlindungan dan menjaga kebajikan selain bertindak sebagai keluarga kedua dalam proses menyantuni mualaf serta menyelesaikan masalah yang mereka hadapi. YKSNS bukan sahaja menguruskan kelas-kelas asas kefahaman Islam, ia juga membantu urusan pindaan nama, urusan perkahwinan, urusan pembubaran perkahwinan, menyediakan rumah perlindungan, mendapatkan peluang pekerjaan dan pelbagai perkara yang berkaitan dengan kehidupan semasa. Langkah ini diambil untuk membantu golongan mualaf dalam menghadapi pelbagai masalah setelah mereka mengambil keputusan untuk berhijrah. Mereka perlu dibantu memandangkan mereka ini baru berjinak dengan Islam. Mualaf memerlukan bantuan daripada pelbagai sudut bukan setakat kebajikan malahan perkara-perkara melibatkan pendidikan, perundangan, pekerjaan, penyesuaian diri dalam masyarakat, keselamatan diri daripada gangguan keluarga dan masyarakat agama asal sebagai mualaf, mereka berkemungkinan kembali ke agama asal mereka dan murtad.

Tanggungjawab untuk membantu mualaf ini dijalankan oleh pendakwah-pendakwah yang terdiri daripada kalangan sukarelawan badan bukan kerajaan bagi membangunkan serta memperjuangkan kesucian Islam di Malaysia. Terdapat pelbagai badan bukan kerajaan yang sama-sama membantu kerajaan bagi mempertahankan akidah masyarakat dan masalah sosial yang dihadapi. Salah satu badan bukan kerajaan yang aktif membantu Majlis Agama Islam Negeri Sembilan sebagai kumpulan sokongan yang berdaya saing di dalam perjuangan dakwah ini ialah YKSNS.

Bahagian pengurusan mualaf di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan juga menghadapi pelbagai cabaran terutamanya disebabkan kekurangan kakitangan dalam menguruskan hal ehwal berkaitan golongan mualaf tersebut. Hanya seramai 17 orang kakitangan yang ditugaskan untuk menguruskan hal ehwal mualaf di seluruh Negeri Sembilan. Faktor inilah yang membuka ruang kepada badan bukan kerajaan terutama YKSNS di Negeri Sembilan sehingga diberikan kepercayaan oleh Majlis Agama Islam Negeri Sembilan dengan memberi peruntukan sejumlah dana zakat yang besar bagi tujuan pengurusan Rumah Perlindungan Berkediaman serta gerak kerja yang lain.

2.2 Perlindungan Undang-Undang Untuk Badan Bukan Kerajaan Dalam Kes Tukar Agama

Undang-undang di Malaysia terbahagi kepada dua iaitu undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen Persekutuan dan yang satu lagi diluluskan oleh Dewan Perundangan Negeri. Melalui gerak kerja yang dijalankan, didapati wujud pelbagai cabaran perundangan yang dilihat kurang memberi perlindungan kepada YKSNS dan sukarelawan yang terlibat termasuk badan bukan kerajaan yang lain. Kekangan perundangan ini menyebabkan gerak kerja YKSNS seolah-olah terdedah kepada risiko dan berpotensi dikenakan tindakan undang-undang. Walaupun YKSNS cuba mempertahankan dan menjaga anak-anak muafiq yang tidak dilindungi dan yang mempunyai pelbagai masalah seperti berisiko dimurtadkan dan pengabaian, namun urusan tersebut didapati tidak mempunyai apa-apa locus standi melainkan dijalankan atas dasar tanggungjawab sosial sahaja. Undang-undang di Malaysia masih mempunyai percanggahan secara langsung yang ketara dan memberi kesan kepada golongan muafiq.

Selain peranan yang dimainkan oleh YKSNS dalam usaha menangani cabaran pertukaran agama ini, undang-undang juga mempunyai peranannya yang tersendiri untuk mempertahankan kedudukan agama Islam. Namun, sehingga hari ini masih terdapat pertelingkahan yang berlaku di mahkamah-mahkamah syariah berkaitan agama dan kebebasan dalam mempraktikkannya. Walaupun pengiktirafan agama Islam sebagai agama Persekutuan oleh penggubal perlembagaan merupakan tindakan yang harus dipuji namun melalui perlaksanaannya masih terdapat kekurangan yang harus diperbaiki. Berdasarkan Senarai Dua, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan, hal ehwal agama Islam merupakan perkara yang diletakkan di bawah bidang kuasa negeri.

Mengikut Fasal 74 (3) dalam Perlembagaan Persekutuan 1957, Persekutuan berhak meletakkan sebarang sekatan yang dirasakan perlu ke atas undang-undang yang dilaksanakan di peringkat negeri. Peruntukan ini secara tidak langsung menyekat kuasa dan kebebasan kerajaan negeri dalam usaha menggubal serta melaksanakan undang-undang negeri masing-masing terutama yang berkaitan dengan hal ehwal agama Islam.

Sebahagian besar Perlembagaan Persekutuan 1957 berasaskan kepada penerusan amalan-amalan perlembagaan sebelumnya, sistem raja berperlembagaan pada hakikatnya merupakan amalan semasa penjajahan British hasil daripada beberapa perjanjian yang telah ditandatangani. Di mana Raja-raja Melayu telah bersetuju menerima nasihat pihak Inggeris kecuali dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan agama dan adat istiadat orang-orang Melayu. Peranan Islam yang agak menyeluruh sebelum kedatangan Inggeris telah disempitkan skopnya oleh penjajah, ia dihadkan kepada soal-soal khusus yang tidak ada kena-mengena dengan pentadbiran dan perundangan umum negara (Abdul Samat Musa, 1988).

Ketidakseragaman enakmen antara negeri terutamanya Enakmen Pentadbiran Undang-undang Syariah Negeri juga menyumbang kepada kekeliruan contohnya kedudukan peruntukan yang tidak seragam dan keterbatasan penggunaan enakmen kerana enakmen digunakan khusus untuk satu negeri sahaja melainkan dengan membuat permohonan pada mahkamah dan mendengar kes tersebut.

2.3 Persoalan Kajian

- 2.3.1 Apakah peranan YKSNS dalam usahanya untuk membantu, membina sahsiah dan membentuk pemantapan akidah muafiq di Negeri Sembilan?
- 2.3.2 Bagaimanakah YKSNS bertindak dalam membantu muafiq yang telah berkeluarga yang mana salah satu pasangan masih kekal dalam agama asal ?
- 2.3.3 Sejauh manakah keberkesanan pelaksanaan peranan dan fungsi YKSNS ke arah mencapai matlamatnya untuk membantu muafiq ?
- 2.3.4 Apakah kerangka perlindungan undang-undang yang ada sebagai garis panduan atau tatacara yang memandu usaha YKSNS untuk menjaga kebajikan muafiq setelah pengislamannya ?

2.4 Objektif am

Kajian ini bertujuan untuk menyelidik sejauh manakah kewajaran (*locus standi*) yang ada untuk YKSNS bertindak dalam melaksanakan peranan dan fungsi yang lalu, sedang dan yang akan dijalankan dan perlindungan undang-undang (*legal protection*) yang berkuat kuasa terhadap peranan, fungsi, gerak kerja dan aktiviti yang dilaksanakan oleh Yayasan Kasih Sayang Negeri Sembilan terutama dalam memberi dan menyediakan perlindungan asrama berkediaman dan pembelaan kebajikan kepada mualaf yang terlibat dalam konflik undang-undang sivil dan syariah di Malaysia.

2.5 Objektif khas

- 2.5.1 Mengenal pasti fungsi, peranan, gerak kerja dan aktiviti YKSNS sebagai sebuah Badan Bukan Kerajaan dalam usaha membantu dan membina sahsiah mualaf cemerlang.
- 2.5.2 Melihat cabaran perundangan yang dihadapi oleh YKSNS dalam proses memberikan perlindungan dan kebajikan kepada mualaf .
- 2.5.3 Meneliti peruntukkan undang-undang yang memberi perlindungan kepada YKSNS ketika memelihara kebajikan mualaf berkeluarga dan mualaf kanak-kanak yang baru memeluk agama Islam.

2.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini akan memberikan manfaat kepada pihak-pihak yang terlibat dalam gerak kerja dakwah seperti badan bukan kerajaan yang tampil untuk menjaga dan memberi perlindungan berkediaman sepenuhnya kepada mualaf dan kanak-kanak mualaf di Negeri Sembilan.

Kajian ini juga akan membantu YKSNS memahami peruntukkan undang-undang serta batasan undang-undang ketika memberikan perlindungan berkediaman kepada mualaf dan kanak-kanak mualaf di Negeri Sembilan.

Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk meneliti literasi undang-undang untuk melihat secara jelas dan memahami ruang lingkup dan batas undang-undang yang berkuat kuasa terutama dalam memastikan pematuhan kepada perundangan negara bagi mengelakkan badan-badan atau mana-mana pegawai yang terlibat secara langsung supaya tidak melakukan kesalahan dan terdedah kepada pendakwaan sama ada oleh agensi kerajaan mahupun mana-mana individu yang berkepentingan.

Kajian ini juga dapat dimanfaatkan oleh pegawai-pegawai agama, para pendakwah, golongan mualaf, badan bukan kerajaan, badan kehakiman dan umat Islam keseluruhannya mengenai pendekatan dan literasi undang-undang dalam melaksanakan kerja-kerja dakwah.

Di samping itu, kajian ini juga boleh digunakan sebagai bantuan kepada penggubal polisi dan undang-undang yang terdiri daripada ahli politik, pengamal undang-undang dan pegawai-pegawai kerajaan yang terlibat untuk mengkaji semula keperluan dan keberkesanan undang-undang sedia ada terutama apabila melibatkan kebajikan mualaf yang menjadi mangsa konflik undang-undang sivil dan syariah. Selain itu, kajian ini juga dapat membantu dalam memperkukuhkan perlindungan undang-undang terutama bagi mengawal selia dan membela Badan Bukan Kerajaan yang memikul tanggungjawab untuk membela dan menjaga mualaf sebagai golongan berisiko murtad jika diabaikan.

Kajian ini juga dapat menjadi asas untuk mencadangkan penambahbaikan kepada Majlis Agama Islam Negeri-negeri terutamanya Negeri Sembilan kerana mengambil langkah proaktif untuk menjadikan Badan Bukan Kerajaan sebagai rakan strategik dalam usaha-usaha pencegahan murtad yang lebih sistematik dan diperakukan melalui kaedah perundangan yang lebih jelas terutama melibatkan soal-soal pengurusan Rumah Perlindungan Berkediaman sama ada transit ataupun tinggal tetap. Perlindungan terhadap Badan Bukan Kerajaan yang terlibat secara langsung perlu di perkasa agar pergolakan dan masalah kekaburan kuasa dalam soal hak penjagaan tidak dipertikaikan. Kajian ini akan mencadangkan

penambahbaikan dan menyumbang kepada perkembangan ilmu perundangan mahupun bidang yang berkaitan seperti sains sosial di Malaysia dengan perbahasan falsafah mengenai perlindungan dan kebajikan muafak serta NGO.

2.7 Metodologi

Menurut Joyce M. Hawkins (2000), istilah metodologi berasal daripada perkataan bahasa Inggeris iaitu “method” yang membawa maksud sistem, aturan, cara membuat sesuatu atau kaedah. Jika dilihat dari aspek bahasa Melayu, istilah metode dalam bahasa Inggeris itu telah diterima pakai dalam pengertian biasa yang memberi maksud cara membuat sesuatu atau sistem. Metode merujuk kepada kaedah atau jalan bagi membuat sesuatu.

Dalam kajian berbentuk kualitatif ini penyelidik telah memilih Yayasan Kasih Sayang Negeri Sembilan sebagai subjek kajian kes. Data kualitatif berbentuk deskriptif, berupa kata-kata lisan atau tulisan tentang tingkah laku manusia yang dapat diamati (Taylor dan Bogdan, 1984). Menurut (Patton, 1990), pengumpulan data bagi reka bentuk kajian kualitatif ialah melalui bentuk analisis dokumen, temu bual dan pemerhatian.

2.8 Analisis Dokumen

Menurut Martin Terre Blanche and Kevin Durrheim (1999), sesuatu persoalan yang timbul yang ada kaitan dengan objek, manusia, masyarakat, institusi, idea, kefahaman atau perkembangan tertentu yang merangkumi asal usul atau punca, hubungan atau konteksnya yang tersendiri. Melalui dokumen-dokumen yang dianalisis, pengkaji memperoleh maklumat mengenai sejarah penubuhan YKSNS, fungsi, peranan, gerak kerja dan aktiviti-aktiviti YKSNS sebagai sebuah badan bukan kerajaan dalam usaha membantu membina peribadi muafak yang cemerlang. Amnya, analisis dokumen ialah pecahan kaedah pengumpulan data penyelidikan daripada analisis kandungan yang merupakan huraian objektif terhadap mesej komunikasi yang telah dicetak, disiarkan atau digambarkan (Babbie, 2010). Dalam erti kata lain, bahagian mesej itu dapat didengar, diperoleh dan dilihat dengan merujuk kandungan teks pada perkataan, maksud, gambar, simbol, idea, tema, atau apa-apa sahaja mesej yang telah di komunikasi (Sabitha Marican, 2009).

Penelitian dokumen ini juga dapat membantu pengkaji memperoleh data-data berkaitan jumlah muafak yang mendapat perlindungan daripada YKSNS dan jumlah staff dan sukarelawan yang terlibat dalam usaha YKSNS untuk memberi perkhidmatan kepada muafak. Selain itu, pengkaji juga memperoleh data jumlah penghuni-penghuni rumah perlindungan dan sebab-sebab mereka diberikan perlindungan, mengenal pasti bagaimana YKSNS membina hubungan dua hala dengan agensi-agensinya pelaksana agama yang hubung kait dengan gerak kerja YKSNS. Pengkaji juga dapat melihat bagaimana YKSNS menjana sumber kewangan bagi membiayai gerak kerja mereka.

2.9 Temubual

Temu bual adalah satu kaedah kajian yang amat penting kerana ia membantu pengkaji untuk meneroka serta mendapatkan maklumat kajian secara mendalam. Kebiasaannya di dalam sesebuah kajian, banyak maklumat yang tidak dapat dikumpulkan melalui kaedah pemerhatian, dokumentasi ataupun catatan diari seseorang. Pengkaji perlu berhubung melakukan hubungan ‘face-to-face’ atau bersua muka secara terus menerus dengan individu yang berkenaan dalam proses mengumpulkan maklumat secara langsung.

Menurut Best dan Kahn (2003) dan Ahmad Sunawari (2009), temu bual merupakan soal selidik atau cara yang digunakan untuk mendapatkan maklumat secara lisan dari seseorang responden melalui kaedah percakapan secara berhadapan muka dengan seseorang. Kelebihan kaedah ini adalah penemu bual dapat menerangkan dengan terperinci matlamat kajian dan jenis maklumat yang diinginkan oleh pengkaji. Maklumat temu bual direkodkan melalui rakaman audio dan catatan dalam bentuk nota. Kaedah temu

bual secara berstruktur digunakan dalam kajian ini. Berdasarkan kaedah ini, pengkaji berperanan sebagai moderator untuk menyediakan soalan dan mencatatkan jawapan yang diberikan responden.

Melalui temu bual dengan kumpulan fokus, pengkaji memperoleh maklumat mengenai pandangan terhadap tugas dan peranan YKSNS dalam membimbing mualaf di Negeri Sembilan terutama yang menerima perkhidmatan daripada YKSNS. Melalui temu bual ini juga dapat melihat sudut pandangan pihak-pihak yang di temu bual mengenai perlindungan undang-undang terhadap kerja-kerja yang dijalankan oleh YKSNS.

Pengkaji mengenal pasti 12 orang peserta kajian yang terlibat secara serius dalam mengendalikan kes-kes mualaf, anak-anak mualaf di bawah umur 18 tahun dan terlibat secara serius dalam sesi-sesi runding cara pertukaran agama bagi mendapatkan respon keberkesanan YKSNS sebagai kumpulan sokongan kepada golongan mualaf.

Peserta kajian yang dipilih ialah

Penasihat Undang-undang Negeri	- 1
Pegawai Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan	- 2
Pengamal Undang-undang (Peguam Sivil dan Syarie)	- 3
Pengerusi Badan Bukan Kerajaan	- 2
Pegawai, Kaki tangan dan Sukarelawan YKSNS	- 4

Peserta kajian yang dipilih di atas adalah berdasarkan penglibatan mereka secara langsung dengan gerak kerja pembangunan mualaf di Negeri Sembilan. Di samping itu, peserta-peserta ini juga mempunyai hubungan rapat dengan YKSNS dalam membantu golongan mualaf.

2.10 Batasan kajian

Kajian ini dibataskan kepada operasi YKSNS kerana ia menepati perbahasan kajian yang bakal dijalankan. YKSNS memfokuskan aktivitinya kepada kerja-kerja dakwah melibatkan mualaf yang masih baru dalam mengenal ajaran Islam. Antara usaha dakwah tersebut adalah cabaran menghadapi isu-isu pertukaran agama di kalangan mualaf, memberikan perlindungan kepada mualaf dan anak-anak mualaf di bawah umur melalui penubuhan Rumah Perlindungan Berkediaman.

YKSNS merupakan Badan Bukan Kerajaan yang menjalankan kegiatan dakwah serta memberi perlindungan dan penempatan sama ada secara kekal ataupun secara transit seperti mana yang termaktub dalam undang-undang tubuh badan tersebut. Rasional pemilihan YKSNS adalah kerana ianya menjadi rakan strategik Jabatan Mufti Negeri Sembilan dalam usaha menangani isu dan cabaran hal ehwal agama Islam semenjak tahun 2003 hingga kini.

Selain itu, petugas YKSNS juga dipilih kerana penglibatannya secara langsung sebagai perunding cara akidah dalam kes permohonan pertukaran agama di bawah seksyen 119. Penelitian rekod menunjukkan penglibatan YKSNS bersama Bahagian Runding Cara Aqidah dalam usaha-usaha pemulihan akidah termasuk menyediakan khidmat penjagaan dengan penubuhan rumah perlindungan di bawah pembiayaan MAINS.

Penubuhan rumah perlindungan oleh YKSNS pula menitikberatkan kebajikan mualaf, anak-anak mualaf serta masyarakat Islam yang kurang bernasib baik. Usaha ini penting kerana mereka dikhuatiri akan kehilangan arah tujuan sekiranya tidak dibimbing dan diabaikan. Selain itu, rasional pemilihan

YKSNS adalah disebabkan lokasinya di Negeri Sembilan yang merupakan satu-satunya negeri yang mempunyai peruntukan pertukaran agama.

YKSNS juga mengambil bahagian dalam beberapa prosiding undang-undang bagi mendapatkan perintah hadhanah bagi kanak-kanak mualaf bawah umur sama ada terabai mahupun tidak mempunyai waris yang sah disebabkan kematian ibu bapa kandung ataupun disebabkan isu murtad.

Bidang kajian ini lebih cenderung kepada penelitian tentang peruntukan undang-undang yang sedia ada dalam isu pertukaran agama khususnya di kalangan mualaf. Fokus utama kajian ini juga melibatkan proses menganalisa sekiranya terdapat sebarang bentuk perundangan di Malaysia yang melindungi usaha dan gerak kerja YKSNS dalam isu pencegahan keluar agama Islam. Kajian ini juga akan meneliti segala aktiviti dan program yang dijalankan oleh YKSNS dalam tempoh 10 tahun bermula dari tahun 2003 hingga tahun 2016.

2.11 Hasil Kajian

Hasil kajian menunjukkan bahawa YKS memainkan peranan penting dalam melindungi kebajikan mualaf di Negeri Sembilan melalui penyediaan rumah perlindungan, pendidikan agama, pendidikan akademik, menyelesaikan masalah rumah tangga mualaf, menempatkan mualaf-mualaf di sektor pekerjaan mengikut kelayakan dan kemahiran mereka dan menyediakan bantuan melanjutkan pengajian. YKS sangat efektif dalam melaksanakan tanggungjawabnya kepada mualaf. Ini dapat dibuktikan melalui bantuan kewangan dan sokongan moral yang diperoleh oleh YKS daripada Majlis Agama Islam Negeri Sembilan. YKS juga sering kali dirujuk untuk mendapatkan pandangan tentang hal ehwal berkaitan mualaf di Negeri Sembilan. YKS dan sukarelawan yang walaupun banyak terlibat dalam perlindungan mualaf namun demikian tidak terdapat '*local standi*' yang melindungi YKS dan sukarelawan di sisi undang-undang.

3. Kesimpulan

YKSNS telah memainkan peranan penting dalam melindungi mualaf dalam banyak kes. Peranan YKSNS turut dihargai oleh Majlis Agama Islam Negeri Sembilan dan Badan-badan Bukan Kerajaan lain di Negeri Sembilan. Tindakan YKSNS melindungi mualaf adakalanya mengheret YKSNS ke muka pengadilan. Hal ini terjadi kerana apabila keluarga mualaf mengemukakan aduan ke mahkamah tentang penyediaan hadhanah oleh YKSNS. YKSNS menyediakan hadhanah dan kafalah kepada mubaligh bagi mengelakkan mereka dimurtadkan oleh keluarganya.

YKSNS tidak dilindungi dari segi undang-undang kerana belum ada pengiktirafan secara bertulis daripada Majlis Agama Islam Negeri Sembilan yang mengatakan bahawa YKSNS adalah mewakili Majlis Agama Islam dalam kes-kes yang membabitkan mualaf. Ini menyebabkan YKSNS seringkali dipersalahkan di sisi undang-undang dan setiap kali dipersalahkan, persoalan pengiktirafan secara bertulis daripada Majlis Agama Islam Negeri Sembilan didebatkan. Oleh yang demikian, YKSNS amat berharap Majlis Agama Islam mengiktiraf secara bertulis YKSNS sebagai badan Bukan Kerajaan yang mewakili Majlis Agama Islam Negeri Sembilan. Pengiktirafan ini penting untuk melindungi YKSNS dan sukarelawan daripada tindakan undang-undang ada masa hadapan. Sekiranya YKSNS dilindungi maka platform untuk membantu dan mengurus kes-kes mualaf akan terbuka luas untuk YKSNS.

4. Rujukan

Al-Quran

- [1] Abdul Samat Musa. t.th. *Strategi dan Program JAKIM ke Arah Memperkasa Penyelarasan dan Penguatkuasaan Undang-undang Syariah Menjelang Tahun 2020*. JAKIM.
- [2] Ahmad Sunawari Long. 2009. *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Jabatan Usuluddin Fakulti Pengajian Islam UKM.
- [3] Babbie E. 2010. *The Practice of Social Research*. USA: Wadsworth Cengage Learning.
- [4] Best, J.W & Kahn, J.V. 2003. *Research in Education*. Boston: Allyn and Bacon.
- [5] Helwa Mohammad Zainal dan Jamal Jasri. "Kedudukan Murtad dan Penyebaran Agama Bukan Islam Menurut Perspektif Undang-undang di Malaysia: Satu Analisa Isu dan Cabaran" dlm. *Jurnal Undangundang dan Masyarakat* 17, hlm. 17–13, 2013
- [6] Joyce M. Hawkins, Joyce M. *Kamus Dwi Bahasa: Oxford-Erlangga Inggris Indonesia, Indonesia-Inggris* (Jakarta: Erlangga, 1996), 248.
- [7] Kamarulzaman Askandar. 2006. *Budaya Perdamaian Budaya Kita. Research and Education for Peace Unit and Southeast Asian Conflict Studies Network*, Pulau Pinang.
- [8] Lee Min Choon, *Freedom of Religion in Malaysia* (Petaling Jaya: KAIROS Publication, 1999)
- [9] Patton, M. Q. (1990). *Qualitative Evaluation and Research Methods (2nd ed.)*. Newbury Park, CA: Sage Publications, Inc
- [10] Sabitha Marican. 2005. *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Petaling Jaya, Selangor: Pearson Prentice Hall.
- [11] Shamsul Amri Baharuddin. 2012. *Modul Hubungan Etnik Edisi Kedua*. Bangi:Universiti Kebangsaan Malaysia.
- [12] Taylor, SJ dan R Bogdan. 1984. *Introduction to Qualitative Research Methods: The Search for Meanings. Second Edition*. John Wiley and Sons. Toronto.
- [13] Terre Blanche, and Kevin Durrheim. 2006. *Why Qualitative Research? In Research in practice: Applied Methods for the Social Sciences*, ed. Martin Terre Blanche, Kevin Durrheim and Desmond Painter, 271–284. 2nd Edition. Cape Town: University of Cape Town Press.